

## MENEROKA KEARIFAN TEMPATAN DALAM PERIBAHASA MELAYU DAN SEPANYOL

*Hairul Nisma Wahab*  
*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia*  
*hairulnisma@upnm.edu.my*

### ABSTRAK

Peribahasa merupakan wadah komunikasi yang memberi gambaran kebijaksanaan masyarakat tradisional yang menjadikan sumber alam dan pengalaman hidup sebagai ekspresi kearifan tempatan dan budaya sesuatu bangsa. Peribahasa dan kearifan tempatan mempunyai hubungan bahasa dan kebudayaan yang menjelaskan aspek kemahiran, kepakaran dan nilai-nilai moral yang dirangkumkan melalui makna tersirat. Bagi generasi muda pada hari ini, ungkapan peribahasa sudah tidak lagi menjadi kelaziman dalam pertuturan harian memandangkan tafsiran makna peribahasa memerlukan pemahaman aras tinggi untuk difahami. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis dua peribahasa yang berbeza bahasa dan budaya iaitu peribahasa Melayu dan Sepanyol dalam aspek kearifan tempatan serta nilai usaha yang dilambangkan melalui penggunaan simbol dan frasa dalam kedua-dua peribahasa tersebut. Sebanyak dua peribahasa Melayu dan dua peribahasa Sepanyol telah dipilih untuk dianalisis dengan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf (1921) dan pendekatan Teori Peirce (1965). Data peribahasa Melayu diperolehi dari buku Peribahasa Melayu Penelitian Makna dan Nilai (Hamzah & Hassan, 2011), manakala data peribahasa Sepanyol diperolehi dari buku peribahasa *Dichos O Refranes Compendio Temático* (Flores-Huerta, 2016). Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan analisis data dilaksanakan secara kualitatif. Hasil kajian mendapati wujudnya kearifan tempatan masyarakat Melayu dan Sepanyol berdasarkan budaya dan gagasan pemikiran berupa elemen lambang bahasa dan frasa yang berkaitan dengan aktiviti harian dalam sektor ekonomi tradisional seperti pertanian, perikanan di samping faktor sejarah lampau. Perkara ini menunjukkan bahawa terdapatnya persamaan dan pertalian antara pemikiran, bahasa dan budaya kedua-dua masyarakat yang menyumbang kepada pembentukan peribahasa.

**Keywords / Kata kunci:** Kata kekunci: Kearifan tempatan, peribahasa Melayu, peribahasa Sepanyol

**Fields/Bidang:** Bahasa dan Pendidikan

**Sub-Fields/Sub-Bidang:** *Linguistik*

### PENGENALAN

Dunia hari ini menyaksikan peribahasa semakin diketengahkan dalam pelbagai cabang ilmu bagi mengembalikan fungsi asalnya sebagai medium penyampaian mesej. Sebagai cerminan identiti masyarakat, pelbagai aspek kehidupan dapat dicungkil melalui penggunaan peribahasa yang mewakili pemikiran, sikap dan pandangan yang membentuk nilai dan falsafah bangsa. Peribahasa memancarkan santun dalam bicara. Sebagai cerminan bahasa dan budaya bangsa, peribahasa hadir dengan maknanya yang tersendiri dan berfungsi mengikut acuan bangsa dan budaya asal sesuatu masyarakat. Peribahasa merupakan salah satu genre lama yang mencerminkan nilai-nilai etika berdasarkan fenomena sebenar hasil pemerhatian dan pengalaman masyarakat zaman dahulu (Madmarova et al., 2021) Pengamalannya dalam komunikasi lisan atau tulisan membawa bersama nilai-nilai dalam kehidupan, akal budi, ketinggian ilmu dan falsafah melalui keindahan susunan kata-kata beserta pemilihan simbol atau

pengembangan sikap, nilai-nilai moral dan nilai-nilai sosial. Oleh sebab itu, masyarakat Sepanyol sendiri mempunyai sejumlah besar koleksi dan kamus peribahasa yang dimasukkan ke dalam karya penulis agung mereka iaitu Fernando de Rojas dan Miguel de Cervantes (Călin, 2016)

Peribahasa bukan sahaja gambaran kebijaksanaan masyarakatnya, malahan merupakan alat penyampaian buah fikiran dari sudut linguistik yang merangkumi keseluruhan aspek termasuk kebudayaan (Fernandez, 2021). Bagi masyarakat Sepanyol, kemampuan mantafsir makna peribahasa terutamanya berkaitan fraseologi didasari oleh ruang lingkup pengalaman dan pemerhatian terhadap alam sekitar dan peristiwa yang berlaku. Pemilihan perkataan dan frasa meliputi keseluruhan sistem nilai kehidupan, kekeluargaan, pekerjaan, pihak berkuasa, wanita, kanak-kanak dan juga agama (Luque Nadal, 2012). Bagi kedua-dua masyarakat Melayu dan masyarakat Sepanyol, kewujudan peribahasa memberi gambaran gagasan pemikiran masyarakat tradisional yang kreatif dan keintelektualan gaya fikir. Aktiviti harian seperti menternak binatang, memburu haiwan, menangkap ikan dan bercucuk tanam telah mendedahkan mereka kepada pengamatan keadaan fizikal dan tabiat haiwan yang ditemui. Perkara ini memperlihatkan perihal kepelbagaian peribahasa itu sebenarnya berkaitan dengan kearifan tempatan yang mempunyai pengaruh meliputi budaya masyarakat setempat, alam fizikal dan ekonomi sesebuah komuniti yang bergerak seiring dengan kehidupan manusia (Sohaimin et al., 2021).

Justeru, sebagai langkah awal, kajian ini dilaksanakan untuk mengupas makna peribahasa dan meneroka kearifan tempatan yang terdapat di dalamnya. Di samping menjelaskan makna peribahasa, kajian ini juga akan merungkai apakah simbol yang berupa kearifan tempatan masyarakat Melayu dan Sepanyol dan peranan peribahasa ini sebagai medium motivasi masyarakat untuk lebih berusaha terutamanya dalam bidang perniagaan. Perkara ini dilihat dapat mengetengahkan kearifan tempatan dari dua peribahasa yang berbeza bahasa dan budaya untuk dibuat rujukan oleh pengguna kedua-dua bahasa seperti para pelajar, guru, ahli akademik serta penterjemah untuk dilihat nilai budayanya dalam kedua-dua peribahasa ini. Kajian ini membuktikan bahawa melalui peribahasa, masyarakat tradisional Melayu dan Sepanyol berjaya memupuk nilai-nilai moral, disiplin dan norma-norma masyarakat melalui olahan bahasa yang kreatif dan indah dengan lebih berkesan. Kajian ini juga membolehkan masyarakat mempelajari nilai-nilai positif dari cantuman dua budaya untuk dijadikan panduan, nasihat dan pemangkin semangat melalui huraian makna peribahasa.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian berkaitan peribahasa dan kearifan tempatan semakin mendapat perhatian dalam kalangan sarjana akademik dalam dan luar negara. Pelbagai cabang ilmu telah dikenal pasti untuk meneroka perkaitan kearifan tempatan dengan budaya dan cara hidup masyarakat dalam skop yang lebih luas. Apa yang menarik, kearifan tempatan dalam peribahasa seringkali ditemui dalam kebanyakan bahasa dan budaya kerana melalui bahasa dan budaya, telah menonjolkan intipati bangsa yang unik, melangkaui konsep asas kehidupan tradisi dan warisan secara turun temurun. Peribahasa itu sendiri adalah wadah komunikasi yang mempunyai kepelbagaian fungsi yang mengetengahkan nilai-nilai kearifan tempatan di dalamnya. Justeru, bahagian ini akan menyoroti beberapa kajian lepas berkaitan peribahasa dan kearifan tempatan yang menyingkap kepakaran, kepercayaan dan pengetahuan masyarakat.

Sebagai contoh, kajian oleh Ismail (2021) yang membincangkan tentang kearifan tempatan dalam peribahasa Melayu yang berkaitan penyakit haiwan. Hasil kajian mendapati, terdapat peribahasa yang berkaitan dengan penyakit haiwan seperti *ayam dimakan tungau* yang dikaitkan dengan penyakit anemia, peribahasa *ayam termakan rambut* untuk pesakit yang menghidap penyakit paru-paru seperti *pneumonia*, peribahasa *raja singa* untuk pesakit sifilis dan peribahasa *pening lalat* bagi pesakit vertigo atau pening, peribahasa *gila babi* untuk penyakit epilepsis atau sawan babi dan peribahasa *mencacing* untuk pesakit yang sangat kurus. Kesemua penyakit yang dinamakan sempena nama haiwan

besederhana dan berusaha di samping beberapa sikap negatif yang ditegah seperti tidak peduli, berlebihan, sombong dan ikut-ikutan atas kepentingan diri-sendiri. Kesemua aspek yang ditemui dalam koleksi peribahasa ini menunjukkan bahawa kearifan tempatan masyarakatnya didasari oleh faktor budaya disamping adat masyarakat Banjar itu sendiri yang menitikberatkan kehidupan bermasyarakat.

Kesimpulannya, kajian kearifan tempatan dan peribahasa mempunyai keunikan tersendiri yang menonjolkan pengetahuan bahasa dan budaya merangkumi pelbagai cabang ilmu. Walau bagaimanapun kajian ini akan memperlihatkan kearifan tempatan yang ditampilkan dalam peribahasa Melayu dan Sepanyol melalui simbol dan frasa dalam dua peribahasa yang berbeza bahasa dan budaya masyarakatnya.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis dua peribahasa Melayu dan dua peribahasa Sepanyol. Setiap peribahasa akan dianalisis dengan menampilkan kearifan tempatan yang berkaitan dengan usaha dalam ekonomi atau perniagaan. Data peribahasa Melayu dipilih dari buku peribahasa Melayu Penelitian Makna dan Nilai (Hamzah & Hassan, 2011) manakala data peribahasa Sepanyol telah dipilih daripada buku peribahasa *Dichos O Refranes Compendio Temático* (2016) oleh Samuel Flores-Huerta. Semua peribahasa dianalisis berpandukan Hipotesis Sapir-Whorf (1921) untuk melihat perkaitan antara bahasa, budaya dan pemikiran yang saling berhubungan. Memandangkan elemen lambang yang digunakan dalam kedua-dua peribahasa turut membuktikan kearifan tempatan kedua-dua masyarakat, Teori Peirce (1965) yang menyetengahkan tiga elemen iaitu indeks, ikon dan simbol akan diaplikasikan dalam analisis kajian ini. Walau bagaimanapun hanya elemen simbol sahaja yang akan digunakan kerana ianya bersesuaian untuk menghuraikan pertalian antara lambang, objek dan pemikiran masyarakat Melayu dan Sepanyol. Hal ini kerana penggunaan simbol adalah gambaran kepada pemikiran manusia, memperlihatkan perbezaan pandangan dunia penutur dan memahami pola fikir serta nilai-nilai budaya berdasarkan latar linguistik masyarakat tersebut.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Setiap peribahasa akan dibincangkan secara eksplisit dan implisit secara terperinci frasa dan simbol yang mencerminkan kearifan tempatan masyarakat Melayu dan Sepanyol. Bagi peribahasa Sepanyol, terjemahan secara harfiah akan disertakan supaya bertepatan dengan maksud eksplisit sebelum dijelaskan makna implisit peribahasa.

### Peribahasa Melayu

JADUAL 1. Peribahasa alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan dan jika tidak dipecah ruyung, manakan dapat sagunya

Peribahasa Melayu	Makna
Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan	Kalau sudah terlanjur melakukan sesuatu, buatlah sehingga selesai atau memperoleh hasilnya
Jika tidak dipecah ruyung, manakan dapat sagunya	Hendaklah berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang dihajati

Peribahasa “Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan” seringkali diungkap dalam pelbagai situasi yang menuntut sesuatu pekerjaan itu dilakukan sehingga selesai dengan jayanya.

Frasa “Jika tidak dipecah ruyung” melambangkan usaha yang harus dilakukan dengan sabar walaupun terpaksa menempuh pelbagai cabaran. “Ruyung” bermaksud kulit atau kayu keras pada batang pokok rumbia dan sagu pula merupakan pati yang boleh dijadikan makanan dalam batang rumbia (Said, 2013). Jadi untuk mendapatkan sagu, perlu memecahkan ruyung yang keras terlebih dahulu. Teori Peirce (1965) memperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu menjadikan “ruyung” dan “sagu” sebagai simbol kepada perlunya usaha keras untuk mendapatkan hasil yang lumayan. Simbol “ruyung” itu sendiri sebagai gambaran kepada halangan yang harus di tempuhi sebelum dapat menggapai sesuatu hajat, dan hajat atau hasil ini dilambangkan melalui leksikal “sagu”. Perkara ini jelas menonjolkan bahawa perkaitan antara pemikiran penutur melalui pemerhatian dan pengalaman menghasilkan makna peribahasa dapat dikenal pasti melalui hubungan bahasa dan pemikiran seperti mana pernyataan hipotesis Sapir-Whorf (1921)

## Peribahasa Sepanyol

JADUAL 2. Peribahasa *Zamora no se ganó en una hora* dan *Para coger peces, hay que mojarse el culo*

Peribahasa Sepanyol	Makna
<i>Zamora no se ganó en una hora</i> (Zamora tidak dimenangi dalam satu jam)	<i>Para conseguir algo importante y arduo, hace falta tiempo y esfuerzo</i> (Untuk mencapai sesuatu yang penting dan sukar, ia perlukan masa dan usaha)
<i>Para coger peces, hay que mojarse el culo</i> (Untuk menangkap ikan, haruslah basah punggungnya)	<i>Da a entender que hay que sacrificarse y trabajar para conseguir algo, ya sea un bien material o espiritual.</i> (Perlu berkorban dan bekerja untuk mendapatkan sesuatu sama ada kebendaan atau kerohanian)

Peribahasa “*No se ganó Zamora en una hora*” merupakan salah satu peribahasa yang terkenal dalam kalangan masyarakat Sepanyol kerana peranannya sebagai medium motivasi yang sangat ampuh. Maksud peribahasa ini berkait rapat dengan masa, yakni ketekunan dan kesabaran menempuhi masa yang panjang dan sukar untuk mencapai sesuatu yang diimpikan. Dalam dunia perniagaan, kejayaan atau kesenangan tidak mudah dicapai tanpa mengharungi jatuh bangunnya lumrah dunia perniagaan. Semangat yang kuat beserta jiwa yang kental perlu diserap dalam diri seorang peniaga atau usahawan tidak kira lelaki atau wanita. Masyarakat Sepanyol amat menitik beratkan sikap berjimat cermat terutama kepada para wanita kerana sikap ini adalah gambaran kepada kualiti yang paling bernilai dari aspek ekonomi dan kepentingannya melebihi daripada kekayaan dan kecantikan. (Aleksandrovna et al., 2021). Manakala bagi orang lelaki pula, harus berpendidikan dan mempunyai kemahiran dalam bidang profesional kerana orang lelaki adalah pencari nafkah utama. Lelaki pada pandangan dunia Sepanyol, dilahirkan untuk bekerja dan akan menjadi lebih bijak melalui pengalaman hidup yang diperolehi. Namun, untuk mencapai kejayaan, mereka percaya perlunya ketekunan dan kesabaran, mengatur strategi dan belajar secara berterusan kerana melalui perniagaan, mereka boleh mengubah kehidupan yang lebih baik walaupun memerlukan jangka masa yang lama.

Oleh sebab itu, peribahasa ini tidak asing bagi masyarakat Sepanyol kerana kaitannya dengan sejarah lampau. Penciptaan peribahasa ini berdasarkan peristiwa sejarah iaitu pengepungan Kota Zamora selama tujuh bulan oleh Sancho el Bravo yang ingin merampas Kota zamora daripada kakaknya iaitu Doña Urraca pada tahun 1072. Tempoh selama tujuh bulan pengepungan Kota Zamora inilah yang merujuk kepada kejayaan yang diperolehi tetapi bukanlah dalam jangka masa yang singkat. Masyarakat Sepanyol mengaplikasikan peribahasa ini dalam semua situasi yang memerlukan kesabaran dan

bimbingan dan sokongan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi yang menawarkan Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek Fasa 1/2022 (UPNM/2022/GPJP/SSI/7)

## RUJUKAN

- Aleksandrovna, T. A., Stanislavovna, S. L., & Abdusamiyevna, V. A. (2021). Gender stereotypes in semantics of Spanish proverbs. *Linguistics and Culture Review*, 5(S2), 1336-1345.
- Biktimirov, E. N. (2009). Wherever you go, do as you see others do: Using Spanish proverbs for teaching finance to hispanic students. *Advances in Financial Education*, 7(1-2), 141-157.
- Călin, A. T. (2016). Aspect of Spanish paremiology. *LiBRI. Linguistic and Literary Broad Research and Innovation*, 5(2),45-53.
- Cobos, R. (1985). *Refranes: Southwestern Spanish proverbs*. Museum of New Mexico Press.
- Daud, M. Z., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24-44.
- Flores-Huerta, S. (2016). *Dichos o refranes: Compendio temático*. CopIt ArXives.
- Fitriawati, F., & Agustina, L. (2021). Kearifan lokal dalam “1001 Peribahasa Banjar Pilihan” karya Aliansyah Jumbawuya. *Lentera: Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 16(2), 1-13.
- Hamzah, S. N. (2021). Pencitraan polemik ekonomi orang melayu dalam filem Abang. *Jurnal Komunikasi*, 73-92.
- Hamzah, Z.A.Z., & Hassan, A.F.M. (2011). *Peribahasa melayu: Penelitian makna dan nilai*. Universiti Putra Malaysia.
- Hassan, A. (2013). *Linguistik am*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Hassan, A. F. M. (2016). Warisan budaya pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Jurnal Peradaban*, 9(1), 1-10.
- Hyun, K. K., Yoan, R. S., & Roshida, H. (2020). *Prosiding Persidangan Bahasa dan Persuratan Melayu Merentas Zaman*. <https://melayu.library.uitm.edu.my/3758/>
- Ismail, W. N. W. (2021). *E-Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-3 2021: “Memartabatkan Kearifan Melayu Islam Nusantara”*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/17493>.
- Jaafar, S., Sani, H. A., & Haron, R. (2018). Perubahan fungsi dan makna peribahasa dalam laman Facebook. *Malaysian Journal of Communication*, 34(2),354-373 <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-22>
- Luque Nadal, L. (2012). Análisis lingüístico-cultural del imaginario de los judíos a través los refranes. *Hikma*,(11), 103-112.
- Madmarova, G. , Rozykova, M. , Abytova, G. , Imasheva, G. , Kadyrova, G. , Murzakulova, K. , Kydykeeva, A. , Aitieva, S. , Surkeeva, D., dan Abdullaeva, Z. (2021) Reflection of People Ethical Ideas in Proverbs and Sayings. *Open Journal of Modern Linguistics*, 11, 440-447.
- Mohd, A., & Hassan, A. (2006). *Koleksi terindah peribahasa Melayu*. PTS Millenia Sdn.Bhd.
- Mungmachon, M. R. (2012). Knowledge and local wisdom: Community treasure. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(13), 174-181.
- Musa, H. (1994). *Pengantar falsafah bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nigmatullayevna, A. U., Bakhrmovna, M. N., & Khabibullayevna, I. D. (2023). The Analyses of English Proverbs. *Web of Scholars: Multidimensional Research Journal*, 2(2), 91-97.
- Radzi, S. B. M. (2019). Kebitaraan peribahasa Melayu dalam komunikasi. *Akademika*, 139-149.
- Rahayu, R., & Wahyuni, T. (2022). Proceeding of the *Sixth International Conference on Language, Literature, Culture, and Education (ICOLLITE 2022)*. <https://doi.org/10.2991/978-2-494069-91-6>
- Rosele, M. I., & Ali, A. K. (2019). Konsep kearifan tempatan menurut perspektif hukum islam: The concept of local wisdom in the islamic law perspective. *Jurnal Fiqh*, 16(1), 1-24.
- Said, S.H. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Pelangi Sdn. Bhd.
- Sapir, E. (1921). *Language: An introduction to the study of speech*. Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Sevilla Muñoz, J., & Sevilla Muñoz, M. (2005). La aplicación de las técnicas de la “traducción paremiológica” a las paremias populares relativas al vocablo pez en español, inglés y francés. *Revista de Literaturas Populares*. 2, 349-368.
- Sohaimin, M. F. A. M., Awang, A., & Abas, A. (2021). Kearifan tempatan dalam pertanian sara diri: Satu sorotan. *e-BANGI Journal*, 18(2).
- Tangil, J. & Amat, A. (2020). Kearifan tempatan dalam sistem bombon oleh masyarakat kadazandusun di Kiulu, Tuaran, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(2), pp. 77 - 86.